

VERSI 1.0

**GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN INOVASI DAN KREATIVITI
JABATAN PERTANIAN**



1 April 2010



HALAMAN KANDUNGAN

1.	Tujuan	ms 1
2.	Latarbelakang	ms 1
3.	Rasional untuk Meningkatkan Budaya Inovasi	ms 2
4.	Tafsiran Inovasi dan Kreativiti	ms 3
5.	Skop Pelaksanaan Inovasi	ms 4
6.	Struktur Pengurusan Organisasai Inovasi Jabatan Pertanian.....	ms 4 - 8
7.	Program dan Aktiviti Inovasi	ms 9
8.	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif	ms 10
9.	Hari Inovasi	ms 11
10.	Pelaporan Inovasi Jabatan Pertanian	ms 11
11.	Pelaporan Inovasi Jabatan Pertanian ke MAMPU	ms 12
12.	Penutup	ms 12
13.	Lampiran-Lampiran	
	a. Lampiran 1- Pendekatan Inovasi dalam bidang pengeluaran pertanian	ms 13 - 14
	b. Lampiran 2 – Pendekatan Inovasi dalam perkhidmatan awam (MAMPU)	ms 15 - 18

GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN INOVASI DAN KREATIVITI, JABATAN PERTANIAN

TUJUAN

Garis panduan pelaksanaan inovasi dan kreativiti Jabatan Pertanian ini disediakan dengan bertujuan seperti berikut:

- Sebagai panduan dari segi pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti inovasi dan kreativiti Jabatan Pertanian di bawah Unit Inovasi Jabatan Pertanian,
- Sebagai panduan untuk digunapakai dalam penyediaan program dan aktiviti membudayakan inovasi dan kreativiti di semua peringkat warga Jabatan Pertanian samada di peringkat Ibu Pejabat, Bahagian, Negeri, daerah dan kawasan.
- Sebagai panduan dalam penciptaan inovasi/kreativiti selaras dengan fungsi Jabatan Pertanian dalam penyaluran teknologi dan amalan pertanian baik kepada pelanggan dan perkhidmatan sokongan yang berkaitan

LATARBELAKANG,

Pada masa kini Jabatan Pertanian menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks berikutan dengan perubahan sosial dan ekonomi sedunia. Persekitaran ini menuntut sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif yang dapat memenuhi atau melangkaui ekspektasi dan kehendak pelanggan dan *stakeholders*. Keadaan ini juga memberi kesan kepada penggunaan sumber khususnya sumber kewangan yang terhad serta keperluan modal insan yang berkualiti.

Bagi memenuhi ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat, Jabatan Pertanian perlu lebih responsif dengan menyediakan perkhidmatan yang menjurus kepada keperluan pelanggan. Jabatan Pertanian memerlukan idea dan pendekatan baru yang radikal bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan agar lebih cekap, berkesan dan mesra pelanggan.

Oleh itu, Jabatan Pertanian perlu berani berubah dan mencuba pendekatan penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif ke arah menepati kehendak senario baru ini. Budaya inovasi adalah sebahagian daripada gerakan transformasi sektor awam di samping menyokong agenda peningkatan daya saing Negara.

Ini selaras dengan surat pekeliling MAMPU bertarikh 29 Januari 2010 dan surat dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai Panduan Peningkatan Budaya Inovasi dalam Perkhidmatan Awam kepada semua Jabatan dan agensi supaya mewujudkan unit inovasi di organisasi masing-masing bagi memandu dan menyelaras program-program inovasi yang digubal untuk Jabatan masing-masing.

RASIONAL UNTUK MENINGKATKAN BUDAYA INOVASI

Jabatan Pertanian telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi Jabatan seperti Program Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Program Peningkatan Produktiviti, Program Strategi-Strategi Peningkatan Kualiti, Program Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Program Pelaksanaan MS ISO 9000. Usaha-usaha ini telah mewujudkan asas yang kukuh bagi memastikan perkhidmatan Jabatan Pertanian yang berkualiti.

Cabaran dan perkembangan semasa hari ini memerlukan Jabatan Pertanian mengambil dan mengamalkan pendekatan yang lebih inovatif untuk terus menjadi organisasi yang relevan dalam pengembangan Pertanian. Jabatan Pertanian perlu menyusun strategi untuk meningkatkan budaya inovasi berpandukan kepada rasional berikut:

- i. Keperluan memenuhi perubahan ketara dalam kehendak rakyat secara lebih berkesan,
- ii. Keperluan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini secara optimum,
- iii. Keperluan memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baru apabila kaedah-kaedah semasa didapati kurang berkesan,
- iv. Keperluan meningkatkan kecekapan dan mengawal kos dalam menangani kekangan sumber kewangan semasa.

TAFSIRAN INOVASI DAN KREATIVITI

Dalam konteks Jabatan Pertanian, inovasi boleh ditafsirkan sebagai cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan, terutama dalam penyaluran teknologi amalan Pertanian baik dan perkhidmatan sokongan bagi meningkatkan produktiviti keluaran hasil pertanian. Idea-idea tersebut boleh diperolehi dari dalam dan luar atau melalui proses pemerhatian atau diadaptasi untuk diguna pakai mengikut keperluan jabatan/agensi. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh terdiri daripada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi.

Inovasi yang dihasilkan bukan bertujuan menyertai pertandingan atau mendapat pengiktirafan semata-mata. Sebaliknya tumpuan hendaklah diberi kepada galakan inovasi secara berterusan bagi meningkatkan budaya inovasi dalam Jabatan Pertanian.

Kreativiti ialah kebolehan atau keupayaan untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baru atau dalam bentuk baru melalui kemahiran imaginasi. Ia melibatkan keupayaan berfikir yang dapat melahirkan idea baru yang unik dan menarik, membuat penilaian secara analitikal terhadap idea dan seterusnya mengemukakan cadangan penyelesaian serta berfikir secara praktikal yang dapat menterjemahkan idea dan teori kepada bentuk aplikasi

SKOP PELAKSANAAN INOVASI

Skop pelaksanaan inovasi dan kreativiti Jabatan Pertanian adalah untuk meningkat kecekapan deliveri pengembangan pertanian dan produktiviti pengeluaran hasil pertanian makanan.

Fokus inovasi yang dirancang oleh Jabatan Pertanian perlu berasaskan lima (5) tunggak utama seperti berikut:

- i. Inovasi teknologi pertanian
- ii. Kumpulan Inovatif & Kreativiti
- iii. Inovasi berasaskan pengembangan pertanian & pengurusan
- iv. Promosi & Pengiktirafan
- v. Perekayasaan (*Business Process Reengineering*)

Oleh yang demikian, semua Bahagian, Negeri dan Bahagian perlulah menggalakkan pembangunan dan pembudayaan inovasi yang menyokong ke arah skop inovasi dan kreativiti seperti yang dinyatakan.

Dalam konteks deliveri pengembangan, inovasi yang boleh dilaksanakan dalam aspek pengurusan pelanggan, budaya kerja, pengurusan strategik, kepimpinan organisasi, sumber manusia dan aset termasuk tadbir urus, inovasi kewangan, Inovasi dalam pengeluaran hasil pertanian makanan meliputi kaedah pengembangan, pengeluaran tanaman, kejuruteraan, pengurusan tanah, perlindungan tanaman, ICT dan lain-lain.


Pendekatan, huraian dan contoh inovasi yang boleh dibangunkan adalah seperti di Lampiran 1 dan 2

STRUKTUR PENGURUSAN ORGANISASI INOVASI JABATAN PERTANIAN

Satu struktur pengurusan Unit Inovasi dan Kreativiti Jabatan Pertanian perlulah diwujudkan di peringkat Ibu pejabat, Bahagian, Negeri dan Daerah. Di peringkat Ibu pejabat, Jawatankuasa Pemandu Inovasi & Kreativiti diwujudkan bagi menentukan dasar, hala tuju dan strategi bagi menggalakkan penjana inovasi dan kreativiti. Unit Inovasi dan Kreativiti Jabatan Pertanian bertindak sebagai sekretariat kepada jawatankuasa ini.

Seterusnya, Jawatankuasa Inovasi & Kreativiti diwujudkan di peringkat Bahagian, Negeri dan Daerah bagi merancang, melaksana dan melaporkan aktiviti inovasi yang dilaksanakan kepada Unit Inovasi & Kreativiti Jabatan Pertanian dan seterusnya Pemandu Inovasi & Kreativiti. Penubuhan struktur pengurusan ini diharap dapat merencanakan budaya inovasi di semua peringkat warga Jabatan Pertanian. Struktur pengurusan inovasi & kreativiti yang dicadangkan adalah seperti di Rajah 1, 2, 3 dan 4.


Rajah 1 : Jawatankuasa Pemandu Inovasi & Kreativiti Ibu Pejabat



Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Pemandu Inovasi & Kreativiti Ibu Pejabat

- i. Menentukan dasar dan strategi bagi menggalakkan penjanaan idea serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).
- ii. Menetapkan amalan dan proses yang menyokong peningkatan inovasi di peringkat jabatan / agensi.
- iii. Menyelaras dan memantau usaha-usaha pembudayaan inovasi yang turut merangkumi program latihan termasuk pemikiran kreatif.
- iv. Memberi pengiktirafan kepada warga jabatan/agensi yang menghasilkan inovasi.
- iv. Mempromosi dan berkongsi inovasi yang dihasilkan oleh warga jabatan / agensi.
- v. Mengadakan mesyuarat sekurang-kurang 3 kali setahun


Rajah 2 : Unit Inovasi & Kreativiti Ibu Pejabat



Terma Rujukan (TOR) Unit Inovasi & Kreativiti Jabatan Pertanian

- i. Menyelaras serta menilai pelaksanaan program dan pembudayaan inovasi yang telah di luluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi.
- ii. Menyediakan laporan penghasilan inovasi oleh warga jabatan yang berimpak tinggi.
- iii. Bertindak sebagai urusetia kepada J/Kuasa Pemandu Inovasi yang bermesyuarat 3 kali setahun.
- iv. Menyediakan Pelan Tindakan Inovasi.
- iv. Meneliti cadangan-cadangan inovasi oleh KIK Bahagian/Negeri.
- v. Menyelaras aktiviti-aktiviti pembudayaan inovasi.
- vi. Mengurus Konvensyen KIK
- vii. Mengurus Hari Inovasi.
- viii. Mempromosi Inovasi Jabatan.

Rajah 3 : Jawatankuasa Inovasi & Kreativiti Bahagian




* Setiausaha JK Inovasi & Kreativiti Bahagian akan hadir ke Mesyuarat Inovasi & Kreativiti Jabatan Pertanian sebagai ahli.

TOR Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Bahagian/Negeri/ Daerah

- i. Mendapatkan idea kreatif dan inovasi daripada warga jabatan atau pelanggan.
- ii. Cadangan KIK Bahagian/Negeri akan diperhalusi oleh unit inovasi untuk dikemukakan kepada J/Kuasa Pemandu Inovasi untuk pengesahan.
- iii. Menggerakkan pelaksanaan inovasi.
- iv. Menyediakan laporan inovasi 2 kali setahun

Rajah 4 : Jawatankuasa Inovasi & Kreativiti Negeri/Daerah



* Setiausaha JK Inovasi & Kreativiti Daerah/Negeri akan hadir ke Mesyuarat Inovasi & Kreativiti Jabatan Pertanian Negeri/Ibu Pejabat sebagai ahli.

TOR Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Negeri/ Daerah

- i. Mendapatkan idea kreatif dan inovasi daripada warga jabatan atau pelanggan.
- ii. Meneliti cadangan-cadangan inovasi oleh KIK Negeri/Daerah
- iii. Menyediakan Pelan Tindakan Inovasi.
- iv. Menyelaras serta menilai pelaksanaan program dan pembudayaan inovasi yang telah di
- v. Menyelaras aktiviti-aktiviti pembudayaan/promosi inovasi.
- vi. Mengurus Konvensyen KIK Negeri/Daerah.
- vii. Mengurus Hari Inovasi peringkat Negeri/Daerah.
- viii. Menyediakan laporan penghasilan inovasi oleh warga jabatan yang berimpak tinggi.

PROGRAM DAN AKTIVITI INOVASI & KREATIVITI JABATAN PERTANIAN

Bagi melaksanakan pembudayaan inovasi & kreativiti di kalangan pegawai di Jabatan, program dan aktiviti berikut perlu dirancang dan dilaksanakan.

	Pelan Tindakan Inovasi	Keterangan Ringkas
	Mesyuarat Inovasi perlu diadakan mengikut perangan dan keperluan. i. Mesyuarat JK Pemandu Inovasi ii. Mesyuarat JK Inovasi Jabatan Pertanian iii. Mesyuarat JK Inovasi Bahagian/Negeri/Daerah	Mesyuarat bagi tujuan perancangan, pemantauan dan penilaian aktiviti inovasi
	Program Kesedaran Inovasi	Sesi ceramah, lawatan dsb bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran inovasi
	Aktiviti Pengumpulan Inovasi daripada warga Jabatan/Bahagian/Negeri/Daerah	Sedia program/jadual untuk dapatkan cadangan inovasi & kreativiti dari warga Jabatan untuk pertimbangan
	Aktiviti Pengumpulan Inovasi daripada Pelanggan Jabatan/Bahagian/Negeri/Daerah	Sedia program/jadual untuk dapatkan cadangan inovasi & kreativiti dari pelanggan untuk pertimbangan
	Penubuhan Kumpulan Inovatif & Kreatif	Tubuhkan KIK untuk menyelesaikan masalah dalam secara kreatif dan inovatif
	Sesi Perkongsian Ilmu	Sesi ceramah /perkongsian sesuatu maklumat/pengalaman dsb

	Pusat Koleksi Inovasi	Menyediakan tempat koleksi (model atau maklumat) inovasi untuk rujukan awam
	Konvensyen KIK	Sesi pengiktirafan kepada mereka yang terlibat dalam KIK
	Hari Inovasi	Sesi pengiktirafan kepada mereka yang terlibat dalam menjana inovasi baru
	Promosi inovasi	Aktiviti promosi inovasi yang diperakui melalui pameran, laman web, media dll.
	Laporan Inovasi	Laporan aktiviti inovasi pada akhir Mei dan Disember setiap tahun

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) adalah kemuncak kepada aktiviti KIK. Konvensyen ini di adakan dengan tujuan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Jabatan yang terlibat dalam KIK dengan memberi peluang kumpulan KIK membuat persembahan dan seterusnya secara langsung memberi kebaikan dan menaikkan imej jabatan.

Menerusi pertandingan ini kita dapat mencetus idea-idea yang bernas dan inovasi baru yang diperlukan dalam melaksanakan tugas demi untuk meningkatkan kecemerlangan kualiti di setiap organisasi di peringkat Jabatan, Bahagian, Negeri dan Daerah, Jabatan Pertanian.

Konvensyen ini juga bertujuan membuka minda kreativiti dan inovasi adalah teras kejayaan dalam pekerjaan, menggalakkan cara berfikir di luar kotak yang merupakan teras utama dalam pembangunan modal insan minda kelas pertama;

HARI INOVASI:

Hari Inovasi Jabatan Pertanian disambut pada 31 Oktober setiap tahun bagi menandakan kepentingan budaya inovasi dalam mendokong agenda transformasi sektor awam. Jabatan Pertanian perlu meraikan Hari Inovasi pada setiap tahun dengan mengadakan pelbagai program ke arah peningkatan budaya inovasi dalam Jabatan Pertanian. Hari Inovasi juga boleh memuatkan program pengiktirafan bagi kejayaan inovasi yang dihasilkan oleh individu dan kumpulan. Jabatan Pertanian boleh merangka program dan aktiviti yang melibatkan pelanggan dalam sambutan Hari Inovasi.

Jabatan Pertanian boleh mengadakan aktiviti-aktiviti seperti berikut sempena sambutan Hari Inovasi:

- i. Ucaptama Hari Inovasi oleh ketua jabatan atau pakar inovasi yang berpengalaman
- ii. Pembentangan projek inovasi oleh individu atau kumpulan kerja inovasi
- iii. Seminar inovasi
- iv. Ceramah/taklimat oleh pakar-pakar inovasi
- v. Pameran/showcase inovasi kepada warga, agensi sektor awam dan orang ramai
- vi. Penyampaian insentif dan anugerah kepada warga organisasi/petani

PELAPORAN INOVASI JABATAN PERTANIAN:

Bahagian dan Jabatan Pertanian Negeri yang berjaya menghasilkan inovasi yang memberi impak dan bernilai tinggi hendaklah dilaporkan setiap enam (6) bulan kepada Unit Inovasi & Kreativiti Jabatan Pertanian untuk kompilasi dan pelaporan kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri.

Laporan hendaklah dikemukakan pada minggu ke-2 bulan Jun untuk inovasi yang dihasilkan bagi tempoh setengah tahun pertama dan pada minggu ke-2 Bulan Disember untuk inovasi yang dihasilkan bagi tempoh setengah tahun kedua.

Hasil inovasi yang terpilih akan dimasukkan ke dalam Bank Inovasi Jabatan Pertanian untuk dikongsi bersama dan dijadikan tanda aras oleh Jabatan Pertanian.

Laporan hendaklah dikemukakan pada minggu ke-2 pertama bulan Julai untuk inovasi yang dihasilkan bagi tempoh setengah tahun pertama dan pada minggu pertama bulan Januari tahun berikutnya untuk inovasi yang dihasilkan bagi tempoh setengah tahun kedua

PELAPORAN INOVASI JABATAN PERTANIAN KEPADA MAMPU

Unit Inovasi & Kreativiti Jabatan Pertanian bertanggungjawab untuk menyediakan laporan ke atas semua inovasi yang memberi impak dan bernilai tinggi yang dihasilkan setiap enam (6) bulan kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri.

Laporan hendaklah dikemukakan pada minggu pertama bulan Julai untuk inovasi yang dihasilkan bagi tempoh setengah tahun pertama dan pada minggu pertama bulan Januari tahun berikutnya untuk inovasi yang dihasilkan bagi tempoh setengah tahun kedua.

Hasil inovasi yang terpilih akan dimasukkan ke dalam Bank Inovasi Sektor Awam untuk dikongsi bersama dan dijadikan tanda aras oleh agensi sector awam Pertanian

PENUTUP:

Panduan ini menjelaskan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian untuk meningkatkan budaya inovasi dalam menyediakan system penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif bagi memenuhi ekpektasi serta melangkaui kehendak pelanggan dan stakeholders.

Di samping menjelaskan tafsiran inovasi dan pendekatan pelaksanaan inovasi dalam konteks penyampaian perkhidmatan, panduan ini turut menghuraikan peranan Jabatan Pertanian dalam menginstitusikan budaya inovasi termasuk pelaksanaan Hari Inovasi Jabatan Pertanian yang berkuatkuasa mulai tahun 2010.

Pendekatan Inovasi dalam bidang Pengeluaran Pertanian

PENDEKATAN	HURAIAN	CONTOH INOVASI
Kejuruteraan pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Adaptasi/perubahan ke atas peralatan/jentera pertanian bagi memenuhi keperluan fungsi • Rekacipta baru mesin/peralatan pertanian 	<ul style="list-style-type: none"> • Mesin Bailer • Mesin Pembersih batang tebu/ Alat Pemerah Minyak Kelapa Dara
Hortikultur/Flori-kultur/Tanaman Ladang	<ul style="list-style-type: none"> • Adaptasi kaedah baru penanaman • Pengurusan tanaman untuk meningkat hasil 	<ul style="list-style-type: none"> • Fertigasi • Tanaman Nenas berkepadatan tinggi
Perlindungan Tanaman & Kuarantin Tumbuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan prosidur baru tujuan memperkemarkan jentera kawalan • Rekacipta mesin, kaedah kawalan perosak 	<ul style="list-style-type: none"> • Prosidur kawalan Penyakit papaya dieback, • Mencipta perangkap kumbang tanduk ; Penggunaan parasitoid untuk kawalan Longispa sp
Pembangunan Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan kaedah latihan pegawai yang kos efektif 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan melalui internet • Learn work assignment
Pengembangan Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Menyalur teknologi pertanian kepada petani melalui kaedah kos efektif 	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem Pengembangan Teknologi Pertanian
Kawalan Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan prosidur pendaftar varieti baru yang komprehensif, • Kaedah memudahkan mengenalpasti varieti baru 	<ul style="list-style-type: none"> • SOP Pendaftaran varieti

Pengurusan Tanah	<ul style="list-style-type: none"> • Membangun kaedah memudahkan pengiraan keperluan nutrien pokok • Teknologi mempelbagaikan sisa pertanian sebagai baja dan bahan membaiki struktur tanah 	<ul style="list-style-type: none"> • Cara mudah mengira keperluan nutrient pokok • Mempercepatkan pengkomposan dedak padi menggunakan IMO
Teknologi ICT & Maklumat Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan aplikasi pertanian 	<ul style="list-style-type: none"> • Agris-Geo Portal
Business Process Reengineering	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah, sistem atau proses bagi menjadikan sesuatu aktiviti menjadi lebih mudah, cekap dan kos efektif 	<ul style="list-style-type: none"> • SALM, SOM • SOP Kawalan Perosak

Pendekatan Inovasi dalam perkhidmatan awam (MAMPU)

PENDEKATAN	HURAIAN	CONTOH INOVASI
Stuktur Organisasi Jabatan Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Perubahan kepada struktur organisasi jabatan bagi memenuhi keperluan bidang tumpuan, fungsi dan tanggungjawab baru. • Perubahan struktur organisasi ini melibatkan penyelarasan, pengembangan, percantuman atau pemisahan fungsi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pewujudan jawatan Pegawai Komunikasi Korporat untuk membolehkan pendekatan yang lebih profesional terhadap pengurusan media dan perhubungan pelanggan.
Integrasi Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengintegrasian perkhidmatan sama ada dalam jabatan / agensi atau merentasi pelbagai agensi dapat meningkatkan kualiti dan menjimatkan masa urusan oleh pelanggan. • Memberi pilihan kepada pelanggan dalam mengakses perkhidmatan jabatan / agensi. • Pelanggan yang dahulunya perlu berurusan di pelbagai lokasi, kini dapat mencapai pelbagai perkhidmatan di satu lokasi khas atau secara maya. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan maklumat pertanian melalui saluran bersepadu mySMS 15888. • Kemudahan perniagaan secara atas talian melalui Sistem Agribazaar membolehkan pelanggan berurusan secara maya.
Pengukuran Prestasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan standard dan norma bagi setiap perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan. • Sentiasa menambahbaik standard dan norma perkhidmatan bagi setiap perkhidmatan yang disediakan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan data permintaan tanaman kepada pelanggan dalam tempoh masa tiga hari. • Berkongsi maklumat tentang prestasi pencapaian standard dan norma perkhidmatan dengan pelanggan dan stakeholders.

Penyampaian Perkhidmatan Alternatif	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan kepakaran dan kemahiran pihak ketiga untuk menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran tertentu. • Membolehkan jabatan / agensi memberi tumpuan kepada perkhidmatan teras. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan pendekatan serah urus / outsourcing untuk menyampaikan perkhidmatan seperti membangunkan sistem AgriSGeoPortal.
Penurunan Kuasa	<ul style="list-style-type: none"> • Penurunan kuasa ini boleh dilaksanakan daripada peringkat lebih tinggi ke peringkat yang lebih rendah dapat mengurangkan kerenah birokrasi serta mempercepatkan proses membuat keputusan dan penyampaian perkhidmatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penurunan kuasa kepada pegawai pelaksana misalnya pegawai gred 48 atau setaraf untuk menandatangani semua jenis kontrak bernilai tidak melebihi RM 10,000,000.00.
Pemantapan Proses Kerja	<ul style="list-style-type: none"> • Proses kerja sedia ada boleh diperkemas bagi memudahkan urusan oleh pelanggan. • Perkhidmatan yang dahulunya dilaksanakan secara berasingan boleh disatukan. • Bayaran yang tidak cost effective dimansuhkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan sistem AgriSGeoPortal untuk mempercepatkan proses pengumpulan data – data atau perangkaan pertanian supaya boleh membekalkan data yang terkini kepada pelanggan.

<p>Kawal Selia</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah melaksanakan kawal selia yang lebih fleksibel di mana pihak yang dikawal akan membuat pengakuan sendiri tentang sesuatu permohonan. • Penguatkuasaan dilaksanakan secara rawak atau mengikut keperluan dengan penalti yang berat sekiranya berlaku penyelewengan atau penipuan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dengan adanya kawal selia yang lebih fleksibel, semua pegawai akan bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan.
<p>Pengukuran Prestasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan standard dan norma bagi setiap perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan. • Sentiasa menambahbaik standard dan norma perkhidmatan bagi setiap perkhidmatan yang disediakan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai yang membekalkan data atau maklumat kepada pelanggan perlu mengikut Piagam Pelanggan iaitu data perlu dibekalkan kepada pelanggan dalam tempoh 1 hingga 5 hari.
<p>Perkongsian</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perkongsian yang lebih strategik antara jabatan/agensi dengan semua pihak berkepentingan dalam merangka dasar dan program serta memastikan perkhidmatan dan output benar-benar memenuhi kehendak pelanggan dan stakeholders. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pewujudan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) sebagai mekanisme pemudahcara bagi mengatasi isu birokrasi yang wujud di dalam urusan di antara perniagaan dan Kerajaan. • Pewujudan Focus Group untuk memberi tumpuan khusus kepada bidang masalah tertentu.

<p>Mendekati Masyarakat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan program yang lebih mesra masyarakat. • Memudahkan rakyat memberi aduan, input dan cadangan ke arah penambahbaikan program dan penyampaian perkhidmatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memanfaatkan program awam seperti Jom Heboh. • Menyediakan perkhidmatan bergerak bagi aduan dan perkhidmatan pengembangan pertanian serta sebagainya. • Menggunakan rancangan media seperti Sembang Kopi untuk berkongsi maklumat dan publisiti.
<p>Penjenamaan Semula Imej, Fungsi Dan Perkhidmatan Sedia Ada.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji semula fungsi sedia ada bagi sesuatu urusan yang tidak lagi relevan atau sesuai dengan keadaan semasa. • Memperkenalkan fungsi atau perkhidmatan baru untuk meningkatkan imej atau hasil pendapatan jabatan/ agensi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menjenamakan semula kemudahan awam sebagai pusat tarikan pelancong. • Menggunakan aset dan kemudahan kerajaan untuk menjana sumber hasil pendapatan.
<p>Penyelesaian masalah-masalah kompleks dalam tempoh masa singkat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memanfaatkan pengalaman dan kepakaran warga organisasi dalam sesi percambahan fikiran secara intensif bagi mengenai pasti penyelesaian radikal, inovatif dan praktikal. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah bekerja baru melalui Makmal (Lab) dan Kem Kerja seperti yang diamalkan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang memberi tumpuan kepada aspek pelaksanaan dalam mencari penyelesaian terperinci dan mewujudkan keberhasilan yang besar dan pantas.